

14/04/1999

Pertumbuhan positif ekonomi jadi pemangkin pemulihan

GEORGETOWN, Selasa - Pertumbuhan positif ekonomi Malaysia mampu membawa kesan pemangkin bagi pemulihan ekonomi di beberapa negara lain di rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata unjuran pertumbuhan satu peratus ekonomi Malaysia sudah tentu akan membawa reaksi serantau.

"Kumpulan ekonomi membabitkan beberapa Asean seperti Segitiga Pertumbuhan-Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT) akan menyaksikan perkembangan di sebuah negara membawa kesan kepada negara lain.

"Kita harap perkembangan positif di Malaysia akan turut membantu negara Asean lain khususnya Thailand dan Indonesia, turut pulih," katanya dalam ucap-tama majlis makan sempena meraikan pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri anjuran Dewan-Dewan Perniagaan Bersama Pulau Pinang, di sini malam tadi.

Menurutnya, kejayaan Malaysia terbukti selepas kegigihan kerajaan melaksanakan pelbagai dasar sehingga lebih dagangan mencapai RM55 bilion sehingga sekarang.

Abdullah berkata faktor komitmen dan kesungguhan kerajaan itu turut dibantu dengan sokongan penuh serta keyakinan yang diberikan oleh rakyat tempatan sepanjang zaman kegawatan.

Malah kata beliau, kesungguhan kerajaan melaksanakan Dasar Pensyarikatan Malaysia tidak mungkin akan berjaya jika tidak mendapat sokongan dan kerjasama rakyat, terutama pemimpin-pemimpin sektor swasta.

"Rakyat Malaysia terutama pemimpin swasta sudah bekerja bersungguh-sungguh supaya mereka dapat menghasilkan produktiviti yang tinggi.

"Peniaga-peniaga kita berusaha supaya dapat terus mengeluarkan barangan yang bukan saja untuk kegunaan penduduk tempatan malah turut dieksport.

"Kalau tidak begitu, masakan kita boleh mencapai lebih dagangan yang begitu tinggi," jelasnya.

Abdullah turut memuji keupayaan Pulau Pinang sebagai antara negeri termaju dalam Malaysia biarpun status pelabuhan bebasnya ditarik balik, beberapa tahun lalu.

Katanya, pada satu ketika dulu Pulau Pinang dikatakan akan tersungkur tanpa status pelabuhan bebas itu.

"Tetapi ternyata anak Pulau Pinang tidak mahu membiarkan keadaan itu menimpa negerinya lalu bertungkus lumus membuktikan keupayaan masing-masing," katanya.

Menurutnya, Pulau Pinang yang turut mempunyai jalinan kerjasama dengan negara jiran seperti Indonesia serta Thailand, pasti akan membawa sedikit sebanyak kesan positif pertumbuhan ekonominya terutama dalam bidang pembuatan, kepada jiran berkenaan.

Majlis itu turut menyaksikan pihak penganjur melafazkan ikrar menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya.

Pada majlis sama, penganjur menghulurkan sumbangan derma berjumlah RM200,000 kepada beberapa pertubuhan kebajikan.

(END)